

## **Pelaksanaan *Manhaj* Rasulullah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kelas al-Quran Bagi Golongan Dewasa**

Sharifah Norshah Bani Syed Bidin  
Nor Salimah Abu Mansor  
Zulkifli A. Manaf

### **Abstrak**

*Manhaj* merujuk kepada metodologi atau tatacara pelaksanaan. *Manhaj* Rasulullah s.a.w. adalah sesuatu yang perlu dikaji dan diketengahkan sebagai metodologi pengajaran dan pembelajaran (P&P). Kepentingan ini dirasakan kerana keberkesanan kaedah yang diamalkan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. telah dapat mendidik ramai *huffaz*, *qurra'* dan *muhadditin* dalam perkembangan Islam pada zaman silam. Artikel ini membincangkan dua perkara utama, iaitu mengupas dan menonjolkan *manhaj* Rasulullah s.a.w. dalam menyampaikan pengajaran al-Quran dan hadith kepada para sahabat baginda. Selain itu, pengkaji meninjau sejauh mana perkara ini diterapkan dalam pelaksanaan pengajian al-Quran dewasa (KQD) di sebuah masjid di negeri Selangor yang dikenali sebagai Masjid Sultan Abdul Aziz Shah (MSAAS). Tujuan utama kajian adalah menganalisis pelaksanaan KQD di masjid ini untuk meninjau sejauh mana ciri-ciri *manhaj* Rasulullah s.a.w. ini diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran KQD di masjid ini. Data dikutip dengan menggunakan teknik kualitatif iaitu analisis dokumen dan temubual informan. Temubual ini adalah temubual elit mendalam (in-depth elite interview) dengan penyelaras dan pengajar terpilih di masjid yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan bahawa beberapa aspek utama daripada *manhaj* Rasulullah dalam P&P yang dilaksanakan di masjid ini didapati selari dengan kerangka teori kajian ini. Kerangka teori ini dihasilkan dari penelitian intipati ayat 164, Surah Ali 'Imran. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai satu landasan untuk membentuk satu model asas bagi P&P dalam pelaksanaan KQD di masjid lain. Maklumat yang diperolehi dari informan memberi maklumbalas bahawa teknik pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan dalam KQD di masjid ini didapati berkesan dan memuaskan pelanggan.

Kata kunci: *Manhaj* Rasulullah; Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran; Kelas al-Quran Dewasa

### **Abstract**

*Manhaj* refers to the methodology or the specific procedure in implementation. The *manhaj* of Rasulullah p.b.u.h. should be studied and highlighted as a teaching and learning methodology (T & L). This methodology has significant value because of the effectiveness of its practice as demonstrated in its use

*by Rasulullah p.b.u.h. in teaching numerous huffaz, qurra' and muhadditin in the early Islamic movement and advancement. This article presents two main issues, which is the explication and highlighting of the manhaj Rasulullah p.b.u.h. in the teaching of the al-Quran and hadith to his followers. In addition to that, the researchers explore the extent to which the characteristics of the manhaj are incorporated in the classroom teaching of the Quran to adult learners in a selected mosque in the state of Selangor known as Masjid Sultan Abdul Aziz Shah (MSAAS). In this endeavor the main objective of this study is to analyze information regarding the implementation of the adult al-Quran classes as practiced in the selected mosque. The purpose is to evaluate the extent to which the major characteristics of the manhaj Rasulullah have been incorporated in the adult al-Quran program T & L process in this particular mosque. Data were gathered using the qualitative approach that comprises document analysis and informant interview. The interview employed is the in-depth elite interview with the coordinator and selected teaching staff of the program at the mosque. The findings of the study indicated that the major aspects of the T& L process in the adult al-Quran program implemented at this mosque are in line with the theoretical framework of this study. The theoretical framework was derived from the perusal of the essence of verse 164, Surah Ali 'Imran which explicate the manhaj Rasulullah. The findings from this study could serve as a basis for the development of a basic T & L model in the implementation of adult al-Quran class programs in other mosques. Feedback from the informants recruited for this study has given the researchers a view that the T & L practices adopted in the adult al-Quran classes at this mosque has been found effective and met the client's satisfaction.*

**Key Words:** *Manhaj Rasulullah; Teaching and Learning of al-Quran; Adult al-Quran classes*

---

## **Pendahuluan**

Kebanyakan wacana dan perbincangan mengenai *manhaj* pengajaran dan pembelajaran masa kini banyak bertumpu kepada teori, kaedah dan metodologi pengajaran dan pembelajaran moden yang kebiasaannya berkaitan dengan pedagogi dan andragogi yang banyak dikemukakan pendidik barat. Buku teks moden yang menyentuh tentang model pengajaran (Joyce and Weil 2000) walaupun membincangkan model pengajaran dengan meluasnya tidak sedikit pun menyentuh tentang manhaj Rasulullah s.a.w. sebagai satu kaedah atau pun model pengajaran. Begitu juga Santrock (2008) yang menulis buku *Educational Psychology*, dalam bab yang membincangkan tentang pengajaran dan ciri-ciri guru yang berkesan juga tidak membincangkan tentang kehebatan manhaj Rasulullah s.a.w. sebagai salah satu bahan yang boleh dijadikan contoh dan rujukan untuk bakal guru. Walaupun telah ada sinar baru dalam pemikir barat yang mula mengenal, mengiktiraf dan menyingkap sumbangan ilmuan Islam zaman silam seperti yang cuba ditonjolkan dalam buku *Muslim Heritage in our World* oleh Salim al-Hassani (2006), tetapi perkara ini belum banyak diketengahkan oleh pendidik Islam sendiri. Justeru kita perlu melihat dan meneliti tentang kebitaraan manhaj Rasulullah s.a.w. sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Dalam hal ini, manhaj pengajaran dan pembelajaran al-Quran didapati telah dibawa sejak zaman berzaman sebermula Islam masuk ke rantau ini secara tradisi dan tidak didokumenkan dari segi falsafah, teori dan kaedah. Oleh yang demikian, pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan adakalanya didapati begitu baik malah cemerlang. Walau

bagaimanapun, terdapat juga kaedah yang kurang berkualiti. Kekurangan dan kelemahan ini diandaikan berpunca daripada kedangkalan ilmu para pengajar mengenai manhaj Rasulullah s.a.w. dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, penerokaan tentang manhaj Rasulullah dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat signifikan agar dapat dijadikan contoh atau model kepada pengajaran dan pembelajaran masa kini.

Perbincangan mengenai manhaj Rasulullah dalam P&P akan diperincikan dari aspek pelaksanaannya dalam Kelas al-Quran Dewasa (KQD) di Masjid Sultan Abdul Aziz Shah (MSAAS). Kajian mendapati masjid ini mempunyai sistem lebih sistematik dan menepati objektif kajian berbanding kelas al-Quran dewasa yang diadakan di beberapa tempat di Terengganu. KQD dipilih untuk diperihalkan kerana teori pembelajaran dewasa, iaitu andragogi agak berbeza dengan teori pembelajaran kanak-kanak iaitu pedagogi. Justeru, artikel ini akan meneroka manhaj P&P Rasulullah, dan menganalisis pelaksanaan manhaj tersebut dalam KQD di MSAAS. Keunikan proses P&P bagi golongan dewasa dikaji dalam KQD bagi mengemukakan satu model P&P KQD yang sistematik serta memenuhi keperluan semasa, agar proses P&P bagi golongan dewasa dapat ditingkatkan selaras dengan manhaj yang diamalkan oleh Rasulullah.

## **Konsep Tarbiah dalam Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran**

Al-Quran merupakan kalam Allah yang mengandungi mukjizat, yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantaraan malaikat Jibril. Sesudah itu, ia dipindahkan kepada kita secara mutawatir dan membacanya adalah ibadat. Jika diteliti definisi al-Quran ini, didapati ada dua perkara yang berkait secara langsung dengan pengajaran dan pembelajaran, iaitu mutawatir dan ibadat. Mutawatir merujuk kepada kaedah al-Quran dinukilkan dari satu generasi ke satu generasi melalui pendekatan dan strategi tertentu, manakala ibadat merupakan ganjaran yang diberikan kepada orang yang membaca al-Quran melibatkan hukum dan kaedah bacaan yang betul bagi membolehkannya diganjar pahala ibadah. Kaedah bacaan al-Quran diperkenalkan oleh Rasulullah s.a.w. sama seperti yang diterima oleh Baginda daripada Jibril a.s. iaitu secara *tallaqqi* dan *musyafahah*.

Ketika Rasulullah s.a.w. berusia 40 tahun, Baginda selalu beruzlah di Gua Hira', sehingga suatu hari Jibril datang mengajarkan al-Quran kepada Baginda. Ketika itu, Jibril a.s. mengajarkan wahyu pertama surah al-'Alaq, ayat 1-5 dengan cara membacakannya terlebih dahulu, kemudian Rasulullah s.a.w. mengulanginya semula. Rasulullah s.a.w. menghafaz ayat tersebut dan membacakannya pula kepada para sahabat dan keluarga Baginda. Para sahabat menghafaz dan menuliskannya. Begitulah kaedah ini digunakan setiap kali al-Quran diajar dan disembarkan kepada individu lain, bermula dari surah pertama sehingga surah terakhir diturunkan. Senario ini memberi kefahaman bahawa terdapat hubungan interaktif dua hala antara murid dan guru dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Dengan kata lain, setiap bacaan guru diikuti oleh murid, dan guru akan membetulkan kesilapan bacaan murid secara langsung. Di sini, terbitnya unsur-unsur tarbiah secara tidak langsung daripada guru kepada muridnya.

Ini selaras dengan pandangan yang diutarakan oleh Abdul Halim el-Muhammady (1984, 10), yang menyebut bahawa pengajaran merupakan sebahagian daripada proses pendidikan yang berterusan serta mengandungi unsur-unsur lain seperti latihan, bimbingan dan pimpinan dengan tumpuan khas kepada pemindahan pelbagai ilmu, nilai agama dan budaya serta kemahiran yang berguna untuk diaplikasikan oleh individu (pengajar atau pendidik) kepada individu yang memerlukan pendidikan itu. Justeru, dalam proses pengajaran dan pembelajaran, manusia merupakan unsur terpenting kerana ia objek utama dalam proses pendidikan. Ulwan (1981) mengutarakan pengajaran al-Quran sebagai pendidikan terpenting menerusi sejarah Abdul Malik bin Marwan, seorang khalifah zaman Bani Umaiyah menyatakan tentang beliau mendidik anaknya dengan mengajarkan

kebenaran sebagaimana beliau mengajarkan al-Quran kepada mereka. Maka dalam mendidik, pendidikan perlu berterasaskan al-Quran, membentuk akhlak yang baik serta didikan agama yang sempurna.

Dalam konteks ini, Surah Ali 'Imran, ayat 164 dijadikan kerangka teori bagi membahaskan perkara ini. Firman Allah s.w.t.:

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَتْلُوا عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ  
وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ  
مُّبِينٍ


Maksudnya:

Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang-orang yang beriman, setelah ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaannya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka kitab Allah (al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syariat menerusi sunnah Rasulullah s.a.w.). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.

(Ali-Imran: 164)

Elemen tarbiah yang terkandung dalam ayat 164 surah Ali-Imran ialah:

- i. Elemen tilawah (pembacaan)  
Rasulullah s.a.w. adalah utusan Allah s.w.t. yang menyampaikan wahyu kepada umatnya. Antaranya membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaannya). Antara peranan sebagai pengajar al-Quran adalah membacakan kepada pelajarannya ayat-ayat Allah s.w.t. dan mengaitkannya dengan ilmu-ilmu Islam sama ada ilmu fardhu ain atau ilmu fardhu kifayah.
- ii. Elemen tazkiyyah (penyucian)  
Selain itu, Rasulullah s.a.w. melaksanakan peranannya membersihkan umatnya daripada penyakit rohani. Dalam hal ini, proses pengajaran dan pembelajaran berfungsi sebagai saluran membersihkan hati pelajar daripada penyakit-penyakit hati dan jiwa seperti hasad, ujub, riya' dan sebagainya.
- iii. Elemen taalim (pengajaran al-Kitab [al-Quran])  
Rasulullah s.a.w. juga mengajar umatnya Kitab Allah iaitu al-Quran yang suci dan mulia. Di samping tugas tilawah atau membacakan ayat-ayat al-Quran, para pengajar al-Quran juga berperanan mengajarkan pengajaran dari ayat-ayat al-Quran supaya para pelajar dapat melaksanakannya sebagaimana yang digariskan dalam al-Quran.
- iv. Elemen taalim (pengajaran) al-hikmah (al-sunnah)  
Menyampaikan hikmah iaitu menyampaikan hadith atau sunnah Rasulullah yang menjadi sumber kepada ilmu pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syariat. Peranan ini perlu dimainkan oleh para pengajar untuk menggandingkan pengajaran al-Quran dengan pengajaran al-Hadith supaya para pelajar lebih memahami isi kandungan al-Quran.



Rajah 1. Gambaran konsep tarbiyah dalam KQD berdasarkan kerangka teori

## Manhaj Rasulullah dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Sebagaimana yang dirakamkan dalam sejarah awal pengajaran dan pembelajaran al-Quran antara Rasulullah s.a.w. dan Jibril a.s., dapat disimpulkan bahawa ada lima teknik khusus iaitu *talaqqi* (mengikuti bacaan guru secara bersemuka), *musyafahah* (mengikuti bacaan guru dengan melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya), *tasmi'* (memperdengarkan bacaan kepada guru), *muraja'ah* (mengulangkaji hafalan) dan *tadarus* (seorang membaca dan yang lain mendengar dengan penuh tumpuan) agar dapat membetulkan kesilapan jika ada, sama ada antara murid dengan guru atau antara murid dengan murid. Sebagai galakan dan perangsang kepada orang yang membaca dan belajar al-Quran, Rasulullah s.a.w. menjelaskan bahawa mereka terbahagi kepada dua golongan, iaitu *muhsin ma'jur* dan *musi' ma'jur*. Muhsin ma'jur iaitu orang yang membaca al-Quran bertepatan dengan hukum tajwid. Ia dijelaskan dalam sabda baginda:

الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ مَاهِرٌ بِهِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ

Mafhumnya:

Orang yang membaca al-Quran dan dia mahir dengannya maka akan bersama kalangan para malaikat yang mulia lagi berbakti.

(Muslim t.th., 4: 219, no.1329)

Musi' ma'jur pula ialah orang yang membaca al-Quran tidak bertepatan dengan hukum tajwid tetapi terus belajar dan berusaha memperbaiki bacaannya. Ia digambarkan dalam hadith yang sama dengan sambungannya sebagaimana berikut:

وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ يَتَتَعْتَعُ فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ

Mafhumnya:

Dan orang yang membaca al-Quran dan dia tersekat-sekat (tidak lancar) adanya serta bersusah payah padanya maka baginya dua pahala.

(Muslim t.th., 4: 219, no.1329)

Mohd Farid et al. (2008) menukilkan pandangan al-Kailani (1986) yang menyebut tentang lima kaedah mengajar al-Quran yang boleh dijadikan panduan kepada guru-guru al-Quran, iaitu pemilihan kaedah mesti selaras dengan objektif pengajaran, kaedah mesti sesuai dengan mata pelajaran yang diajar, kaedah yang digunakan mesti sepadan dengan usia pelajar, kemampuan guru untuk mengaplikasi kaedah yang dipilih dan masa yang cukup apabila mengaplikasikan mana-mana kaedah yang dipilih. Kaedah yang dikemukakan oleh al-Kailani ini menitikberatkan faktor humanis, kerana pelajar mempunyai pelbagai latar

belakang pendidikan dan kemampuannya sedangkan mereka semua ingin disatukan bagi mencapai objektif P&P.

Oleh kerana proses pengajaran dan pembelajaran bukan suatu perkara yang mudah, apatah lagi jika melibatkan pentarbiahan yang menuntut anjakan paradigma sesebuah masyarakat, maka manhaj yang tepat amat perlu bagi menjamin keberkesanan kaedah yang digunakan. Manhaj Rasulullah dalam P&P dapat dilihat dari pelaksanaan fungsi Rasulullah sebagai guru kepada umat Islam iaitu membimbing mereka melalui perkataan, perbuatan dan diam setuju Baginda dalam apa jua keadaan. Rasulullah s.a.w. sentiasa berada di kalangan sahabat. Mereka bertemu dan bergaul secara bebas, tiada protokol yang menghalang dan membataskan pergaulan sesama mereka. Cuma, ketika Rasulullah s.a.w. tiada di rumah dan para sahabat ingin mendapatkan penjelasan mengenai sesuatu permasalahan, mereka tidak boleh terus masuk ke rumah Baginda tetapi perlu berbicara dengan isteri-isteri Baginda melalui tabir.

Seluruh perbuatan, tutur kata, malah segala gerak geri Rasulullah menjadi tumpuan dan perhatian para sahabat. Baginda adalah guru dan pendidik yang unggul bagi umat Islam. Sebagai persiapan untuk memikul tanggungjawab yang berat dalam mendidik umat Islam, Allah s.w.t. telah mengurniakan kelebihan kepada Baginda iaitu dari segi akhlak dan keilmuan. Kemurnian akhlak Rasulullah tercermin dalam pergaulan seharian Baginda dengan para sahabat, malahan dengan golongan yang memusuhi Islam juga. Manakala dari sudut keilmuan pula, Allah s.w.t. telah melapangkan dada Baginda hingga dapat mencapai tahap keilmuan yang tidak dimiliki oleh orang lain (al-Khatib 1993, 33). Baginda adalah pakar rujuk utama bagi umat Islam dalam segala permasalahan yang timbul sama ada urusan duniawi mahupun ukhrawi.

Manhaj Rasulullah yang dibincangkan dalam konteks ini adalah memberi tarbiah dan pengajaran dengan jelas, mengambilkira keupayaan akal, menghormati estimasi diri penuntut, memudahkan pengajaran, mempraktikkan teori, menyediakan iklim dan ruang belajar yang kondusif, memilih ruang dan masa khusus untuk wanita, pemilihan guru yang berkualiti dan penekanan kepada kesahihan teks.

### Memberi Tarbiah dan Pengajaran dengan Jelas

Kefasihan Rasulullah tidak hanya terhad kepada gaya bahasa yang baik dalam ucapan, bahkan ia juga terpancar dari metode pengajarannya. Apabila bercakap Baginda akan menyebutnya dengan jelas dan tidak hanya menggerakkan kedua-dua bibir, maksudnya makhrajnya betul-betul jelas, mengulang-ulangnya tiga kali dan menyebut satu persatu hingga dapat didengar dan dihafaz oleh semua (al-Sibagh 1986, 49). Anas r.a. menceritakan:

أَنَّهُ إِذَا سَلَّمَ سَلَّمَ ثَلَاثًا وَإِذَا تَكَلَّمَ تَكَلَّمَ بِكَلِمَةٍ أَعَادَهَا ثَلَاثًا.

Mafhumnya:

Bahawa Nabi s.a.w. apabila mengucap salam, Baginda mengucapnya tiga kali dan apabila memberitahu sesuatu Baginda akan mengulanginya tiga kali.

(al-Bukhari 1987, 1: 166, no.92)

Bahasa badan juga digunakan dalam penyampaian baginda agar memberikan impak yang mendalam dalam jiwa pendengar. 'Aishah pula menyebut, "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. tidak menyambung sebutan hadith sebagaimana yang kamu lakukan." Rasulullah menggunakan nada suara yang sesuai dengan apa yang hendak disampaikan dan apa yang tersirat di hati terpancar melalui mimik mukanya. Baginda akan tersenyum malah menangis jika keadaan menuntut sedemikian. Apabila hendak menegaskan sesuatu dan menyatakan kepentingannya, Baginda akan mengalih kedudukan, sebagaimana dalam hadith *shahadah al-zur*:

أَلَا أُتْبِتُكُمْ بِأَكْبَرِ الْكِبَائِرِ ثَلَاثًا الْإِشْرَاقُ بِاللَّهِ وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ وَشَهَادَةُ الزُّورِ أَوْ  
قَوْلُ الزُّورِ وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مُتَكِنًا فَجَلَسَ فَمَا زَالَ يُكْرِرُهَا حَتَّى قُلْنَا لَيْتَهُ  
سَكَتَ

Maafumnya:

Hendaklah kamu aku beritahu tentang dosa yang paling besar? Jawab kami: Bahkan wahai Rasulullah. Sabda Baginda: Iaitu mensyirikkan Allah dan durhaka kepada kedua ibu bapa, pada mulanya Baginda bersandar, lalu Baginda duduk seraya bersabda: Dan sumpah palsu. Baginda mengulang-ulangnya hingga kami kata: Mudah-mudahan baginda (akan) diam.

(Muslim t.th., 1: 241, no.126)

Selain itu, apabila ditanya berhubung sesuatu masalah Baginda akan memberikan penerangan lanjut dan terperinci. Adakalanya Baginda akan mengaitkan permasalahan lain yang serupa atau berkaitan supaya orang yang hadir itu mendapat pengetahuan yang baru. Tetapi, apabila diajukan persoalan berhubung dengan perkara yang tidak diketahui, baginda akan diam sehingga turun wahyu menjelaskan mengenainya (Muhammad Muhammad Abu Zahw t.th., 52).

### Mengambilkira Keupayaan Akal Fikiran

Rasulullah s.a.w. memberi pengajaran kepada manusia mengikut keupayaan mentaliti mereka. Ini kerana, percakapan yang tidak dapat difahami oleh pendengar akan menimbulkan fitnah, kerana mereka akan memberi tafsiran yang berlainan dengan maksud sebenarnya. Oleh itu, segala ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah dapat ditanggapi oleh semua golongan sama ada yang tinggal di pedalaman mahupun yang tinggal di bandar. Uslub yang digunakan oleh Rasulullah ini dapat dilihat dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah katanya:

أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وُلِدَ لِي غُلَامٌ أَسْوَدٌ فَقَالَ هَلْ لَكَ مِنْ  
إِبِلٍ قَالَ نَعَمْ قَالَ مَا أَلْوَانُهَا قَالَ حُمْرٌ قَالَ هَلْ فِيهَا مِنْ أَوْرَقٍ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَأَنَّى  
ذَلِكَ قَالَ لَعَلَّهُ نَزَعَهُ عِرْقٌ قَالَ فَلَعَلَّ ابْنَكَ هَذَا نَزَعَهُ

Maafumnya:

Datang seorang lelaki (dari Bani Fuzarah) kepada Nabi s.a.w. lalu berkata, "Sesungguhnya isteriku melahirkan seorang bayi yang hitam (warna kulitnya). Aku tidak mengakuinya." Maka Rasulullah berkata kepadanya, "Adakah kamu mempunyai unta?" Jawab lelaki itu, "Ya." Kata Rasulullah, "Apa warnanya?" Jawab lelaki itu, "Merah." Kata Rasulullah, "Adakah di antaranya yang berwarna kelabu?" Jawab lelaki itu, "Ada." Kata Rasulullah, "Dari mana datangnya?" Jawab lelaki itu, "Mungkin ada keturunannya (yang berwarna sedemikian)." Kata Rasulullah, "Yang ini pun (anak lelaki itu) mungkin dari keturunannya."

(al-Bukhari 1987, 16: 359, no. 4893)

Riwayat ini menunjukkan bahawa Rasulullah mengambil contoh dengan sesuatu yang dapat dilihat oleh lelaki itu, kerana ia akan memudahkannya untuk memahami. Ayat 106, surah al-Isra' dapat menjelaskan lagi manhaj ini apabila Allah s.w.t. memperakui

bahawa al-Quran itu diturunkan secara beransur-ansur supaya Rasulullah s.a.w. dapat membacaknya perlahan-lahan kepada manusia lain. Firman Allah:

﴿۱۰۶﴾ وَقُرْءَانًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَىٰ مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا

Maksudnya:

Dan al Quran itu telah kami turunkan dengan beransur-ansur agar kamu membacaknya perlahan-lahan kepada manusia dan kami menurunkannya bagian demi bagian.

(al-Isra': 106)

Oleh itu, jika diteliti berkaitan tingkatan bacaan al-Quran didapati sebahagian ulama antaranya Syeikh Muhammad Makki Nashr al-Juraisi, Syeikh Abdullah bin Muhammad Qasim al-Sanquri, Syeikh Muhammad bin Ahmad Ma'bad dan Syeikh Mahmud Ali Bassah mengatakan bahawa tingkatan bacaan al-Quran ada empat martabat, iaitu *tartil*, *tahqiq*, *hadar* dan *tadwir* (Abu Mardhiyah 2007, 81). *Tartil* ialah bacaan yang perlahan-lahan, tenang ketika melafazkan huruf dari makhrajnya dan memberikan hak dan mustahaknya serta *tadabbur* akan maknanya. Inilah martabat paling baik berdasarkan firman Allah dalam surah al-Furqan, ayat 32.

﴿۳۲﴾ وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْءَانُ جُمْلَةً وَاحِدَةً كَذَلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا

Mafhumnya:

Berkatalah orang-orang yang kafir: "Mengapa al-Quran itu tidak diturunkan kepadanya sekali turun saja?"; Demikianlah supaya kami perkuat hatimu dengannya dan kami membacanya secara tartil (teratur dan benar).

(al-Furqan: 32)

Tahqiq pula sama seperti bacaan tartil, cuma ia lebih lambat dan perlahan, kebiasaannya dilakukan oleh mereka yang baru belajar membaca al-Quran. *Hadar* ialah bacaan yang cepat serta menjaga setiap hukum tajwid, kebiasaannya diamalkan oleh orang yang telah menghafal al-Quran. Manakala *tadwir* ialah martabat pertengahan antara bacaan tartil dan *hadar*. Tingkatan bacaan ini menunjukkan bahawa Islam mengambil berat perbezaan individu dan tidak memberatkan seseorang dalam beramal. Perbezaan bacaan mengikut tahap individu memberi peluang kepada orang yang membaca al-Quran *tadabbur* makna dan isi kandungan al-Quran agar ia dapat menjadi *tazkirah* dan *tazkiyyah* buat hati dan jiwa.

### Menghormati Estim Kendiri Penuntut

Rasulullah juga menggunakan uslub yang dapat meninggalkan kesan yang mendalam dalam hati dan menyedarkan jiwa yang lalai hingga sesuatu masalah yang timbul dapat diselesaikan penuh hikmah. Rasulullah s.a.w. memberi peringatan dengan menggunakan bahasa yang paling halus dan menghormati estim sasaran. Dalam satu situasi, Baginda melihat seseorang melakukan kesalahan, Baginda tidak terus menegur, "Kamu salah, kamu akan mendapat azab Allah". Sebaliknya, Baginda akan menunggu ruang dan peluang supaya Baginda dapat menegur orang tersebut dalam nada kiasan supaya empunya diri tidak merasa malu (Ali 'Abd al-Halim Mahmud 1996, 200). Diriwayatkan di dalam sebuah hadith:

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ قَالَ إِنَّ فَتَى شَابًا أَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أئذَنْ لِي بِالزَّيْنَةِ فَأَقْبَلَ الْقَوْمُ عَلَيْهِ فزَجَرُوهُ قَالُوا مَهْ مَهْ فَقَالَ أَذْنُهُ فَدَنَا مِنْهُ قَرِيبًا قَالَ فَجَلَسَ قَالَ أَتُحِبُّهُ لِأُمَّكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأُمَّهَاتِهِمْ قَالَ أَفْتَحِيهِ لِابْنَتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِبَنَاتِهِمْ قَالَ أَفْتَحِيهِ لِأُخْتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأَخْوَاتِهِمْ قَالَ أَفْتَحِيهِ لِعَمَّتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِعَمَّاتِهِمْ قَالَ أَفْتَحِيهِ لِخَالَاتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِخَالَاتِهِمْ قَالَ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهِ وَقَالَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ ذَنْبَهُ وَطَهِّرْ قَلْبَهُ وَحَصِّنْ فَرْجَهُ فَلَمْ يَكُنْ بَعْدَ ذَلِكَ الْفَتَى يَلْتَفِتُ إِلَى شَيْءٍ

Maafumnya:

Dari Abi Umamah r.a. bahawa ada seorang pemuda datang menemui Nabi s.a.w. lalu berkata, "Wahai Nabi Allah adakah tuan izinkan saya berzina?" Sahabat yang berada bersama-sama Rasulullah berteriak (memarahinya), sabda Rasulullah s.a.w., "Bawa dia ke sini." Maka dia dibawa duduk di hadapan Rasulullah. Rasulullah s.a.w. bertanya kepadanya, "Adakah kamu suka jika ia berlaku kepada ibumu? Jawab pemuda itu, "Tidak, mudah-mudahan Allah menjadikan diriku tebusanmu." Sabda Rasulullah, "Begitu juga manusia lain, mereka tidak suka berlaku kepada ibu-ibu mereka". Tanya Rasulullah lagi, "Adakah kamu suka jika ia berlaku kepada anak perempuanmu? Jawab pemuda itu, "Tidak, mudah-mudahan Allah menjadikan diriku tebusanmu." Sabda Rasulullah, "Begitu juga manusia lain, mereka tidak suka berlaku kepada anak-anak perempuan mereka." Tanya Rasulullah s.a.w. lagi, "Adakah kamu suka ia berlaku kepada saudara perempuanmu?" Jawab pemuda itu, "Tidak, mudah-mudahan Allah menjadikan diriku tebusanmu." Sabda Rasulullah, "Begitu juga manusia lain, mereka tidak suka berlaku kepada saudara-saudara perempuan mereka." (Riwayat dari Ibn 'Auf menambah hingga disebut ibu-ibu saudara (kepada pemuda itu dan dia menjawab dengan jawapan yang sama) dan Rasulullah juga terus mengingatkannya bahawa manusia lain juga tidak menyukainya. Kemudian Rasulullah meletakkan tangan Baginda di atas dada pemuda itu seraya Baginda berdoa, "Ya Allah, sucikanlah hatinya, ampunilah dosanya dan peliharalah kemaluannya". Selepas itu, pemuda tersebut amat membenci zina!

(Ibn Hanbal 1999, 5:256, no. 22265)

Dalam situasi ini Rasulullah s.a.w. meneroka permasalahan jiwa pemuda tersebut bagi mencelikkan akalinya, dengan membuat perbandingan sekiranya perkara keji yang ingin dilakukan itu berlaku kepada anggota keluarganya sendiri. Jadi, sudah pasti dia tidak menginginkannya lantas Rasulullah s.a.w. mengingatkan orang lain juga mempunyai perasaan yang sama sepertinya.

## Memudahkan Pengajaran

Tidak terdapat dalam sunnah Rasulullah s.a.w. sesuatu yang menyusahkan manusia dalam urusan agama atau menyulitkan urusan dunia mereka. Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّمَا بَعَثَنِي اللَّهُ مُبَلِّغًا وَلَمْ يَبْعَثْنِي مُعْتَصِمًا

Mafhumnya:

Sesungguhnya Allah mengutuskan aku untuk menyampaikan ajaran bukan untuk menyusahkan.

(al-Tirmidhi, t.th., 11: 136, no.3240)

Baginda juga bersabda sebagai guru kepada umatnya:

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا

Mafhumnya:

Hendaklah kamu mempermudah dan jangan mempersulitkan, ajaklah dengan baik (gembirakanlah) dan jangan kamu jadikan mereka menjauhkan diri.

(al-Bukhari 1987, 1:122, no.67)

Petunjuk Allah s.w.t. mengenai perkara ini dapat dilihat dari ayat berikut:

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ﴿١٦﴾ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ﴿١٧﴾ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَانْبِعْ  
قُرْآنَهُ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) al Quran kerana hendak cepat-cepat (menguasai)nya. Sesungguhnya atas tanggungan kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Apabila kami telah selesai membacanya maka ikutilah bacaannya itu.

(al-Qiyamah: 16-18)

Dari Ibn Abbas r.a. berkata, "Bahawasanya apabila wahyu turun kepada Rasulullah, beliau segera menggerakkan lidahnya untuk cepat-cepat menghafalnya. Allah lalu menurunkan ayat ini (al-Suyuti t.th., 358). Ayat ini menjelaskan tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku antara Jibril a.s. dengan Rasulullah s.a.w.. Ia bermaksud bahawa al-Quran iatu perlu dibaca mengikut tatacara khusus, tidak boleh gopoh agar setiap kalimah yang dibaca dan dihafal dapat difahami maksudnya. Oleh kerana baginda Rasulullah s.a.w. merupakan guru yang akan mengajar umat Islam, keperluan memahaminya secara mendalam adalah lebih *aula*. Justeru, selepas larangan dari tergesa-gesa ini Allah s.w.t. memberi jaminan bahawa ayat-ayat suci itu sudah pasti akan dapat dihafal kerana Dia akan melapang dada baginda untuk memudahkan al-Quran itu dibaca dan diingati. Maka, dalam P&P al-Quran, teknik talaqqi dan musyafahah itu penting bagi membolehkan murid mengikut bacaan dengan makhraj yang betul. Jaminan Allah ini juga dapat difahami dari ayat berikut:

وَإِنَّكَ لَلتَّالِقِ الْقُرْآنِ مِنَ لَدُنْ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ﴿٦﴾

Maksudnya:

Dan sesungguhnya kamu benar-benar diberi al-Qur'an dari sisi (Allah) yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.

(al-Naml: 6)

Rasulullah s.a.w. mengelakkan pelajar tertekan dan kebosanan dengan memilih waktu yang sesuai untuk mengajar. Ini kerana, proses belajar dan mengajar yang berterusan menyebabkan timbulnya kebosanan dan hilang tumpuan kepada apa yang diajarkan hingga tidak dapat manfaat daripadanya (al-Khatib, 1993: 48). Abdullah ibn Mas'ud meriwayatkan:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَّخِذُ لَنَا بِالْمَوْعِظَةِ فِي الْأَيَّامِ كَرَاهَةَ السَّامَةِ

Mafhumnya:

Bahawa Rasulullah s.a.w. mencari-cari waktu yang baik untuk mengajar kami, supaya kami tidak merasa bosan.

(al-Bukhari 1987, 1: 121, no.66)

### Mempraktikkan Teori

Ajaran-ajaran Islam yang disampaikan tidak memadai melalui percakapan sahaja, malah ia memerlukan contoh amali dari Rasulullah sendiri. Rasulullah s.a.w. mengajar banyak ayat al-Quran kepada para sahabat, mereka berusaha memahami dan mengambil hukum daripadanya. Abu 'Abd al-Rahman al-Sulami berkata, "Orang-orang yang membacakan al-Quran kepada kami seperti Uthman bin 'Affan, 'Abd Allah bin Mas'ud dan lain-lain telah menceritakan bahawa mereka belajar dari Nabi sepuluh ayat, mereka tidak akan beralih kepada ayat lain hingga mereka mengetahui perkara teori dan amali di dalamnya." Mereka berkata, "Kami belajar al-Quran teori dan amali sekaligus (al-Khatib 1993, 60). Berdasarkan hakikat ini didapati banyak hadith menggambarkan bagaimana Rasulullah s.a.w. mengajar para sahabat melakukan praktikal ritual seperti solat, puasa, haji dan lain-lain.

### Menyediakan Iklim dan Ruang Belajar yang Kondusif

Pada peringkat Islam disampaikan secara rahsia di Mekah, Rasulullah s.a.w. menjadikan rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam sebagai markas dakwah Islamiah yang dikenali sebagai 'Dar al-Islam'. Di sini, Rasulullah s.a.w. membaca ayat-ayat al-Quran kepada kaum muslimin, mengajar hukum-hukum Islam dan mereka menghafal segala yang dipelajari itu. Tidak lama kemudian Rasulullah menjadikan rumah Baginda sendiri sebagai markas untuk umat Islam belajar al-Quran dan hadith. Di Madinah, perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah ialah mendirikan masjid yang digunakan selain tempat solat, juga sebagai pusat pengajian. Rasulullah mengkhususkan satu sudut masjid tersebut yang dikenali sebagai 'al-Suffah' untuk tujuan ini. Ia menjadi tumpuan umat Islam untuk belajar termasuk orang-orang miskin (al-'Azami 1992, 1: 50).

Selain itu, Rasulullah s.a.w. turut mengadakan banyak majlis ilmiah untuk para sahabat dalam bentuk halaqah-halaqah kecil. Anas r.a. meriwayatkan, "Adalah mereka (para sahabat) apabila selesai solat subuh, mereka duduk dalam halaqah-halaqah kecil, membaca al-Quran dan belajar perkara fardhu dan sunat (al-Khatib 1993, 58). Manakala pada waktu yang lain, Baginda memberi khutbah dari atas mimbar masjid contohnya pada hari raya dan hari Jumaat, juga pada hari-hari yang memerlukan Rasulullah berbuat demikian. Walau bagaimanapun, penyampaian hadith tidak terhad di institusi-institusi ini sahaja, bahkan para sahabat akan bertanya Rasulullah tentang kemusykilan mereka berhubung hukum Islam dalam apa jua keadaan dan kesempatan yang mengizinkan. Tetapi masjid adalah tempat yang menjadi kelaziman Rasulullah menyampaikan ajaran Islam.

### Memilih Ruang dan Masa Khusus untuk Wanita

Majlis ilmiah yang dianjurkan oleh Rasulullah tidak hanya terhad kepada kaum lelaki dewasa, malah ia turut dihadiri oleh kanak-kanak (Muhammad Abu Zahw t.th., 51) dan juga kaum wanita. Ramai wanita yang datang untuk mendengar hadith-hadith Rasulullah dalam

majlis-majlis umum seperti solat hari raya. Akan tetapi, mereka masih belum berpuas hati dengan ilmu yang diperolehi melalui cara ini. Maka datang sekumpulan wanita kepada Rasulullah meminta Baginda mengkhususkan hari tertentu untuk mereka belajar (al-Khatib 1993, 54).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ جَاءَ نِسْوَةٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ فَقُلْنَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا نَقْدِرُ عَلَيْكَ فِي مَجْلِسِكَ مِنَ الرِّجَالِ فَوَاعَدَنَا مِنْكَ يَوْمًا نَأْتِيكَ فِيهِ قَالَ مَوْعِدُكُمْ بَيْتُ فُلَانٍ وَأَتَاهُنَّ فِي ذَلِكَ الْيَوْمِ وَلِذَلِكَ الْمَوْعِدِ قَالَ فَكَانَ مِمَّا قَالَ لَهَا لَهَا يَعْني مَا مِنْ امْرَأَةٍ تَقْدُمُ ثَلَاثًا مِنَ الْوَالِدِ تَحْتَسِبُهُنَّ إِلَّا دَخَلَتْ الْجَنَّةَ فَقَالَتْ امْرَأَةٌ مِنْهُنَّ أَوْ اثْنَانِ قَالَ أَوْ اثْنَانِ

Maksudnya:

Diriwayatkan dari Abu Hurairah: Berkata kaum wanita kepada Nabi s.a.w. terlalu ramai kaum lelaki yang (menghadiri majlismu), tentukanlah satu hari (untuk kami belajar) lalu ditentukan satu hari untuk mereka. Rasulullah menyampaikan ajaran, memberi peringatan dan (menjelaskan) perintah (Allah) kepada mereka, antara yang dikatakan oleh Nabi kepada mereka ialah, "Barangsiapa di antara kamu yang meninggal (terlebih dahulu) tiga orang dari anaknya maka ia akan menjadi pelindung dari api neraka." Berkata salah seorang dari mereka, "Kalau dua orang," Kata Rasulullah, "Dan kalau dua orang begitu juga."

(Ibn Hanbal 1999, 15: 94, no.7053).

Dari sini, lahir tokoh wanita-wanita Islam yang unggul dalam keilmuan yang sama-sama berganding bahu dengan kaum lelaki dalam usaha memberi kefahaman mengenai Islam kepada manusia. Abd al-Muta'al (1987) menuliskan dalam kitabnya bahawa terdapat kira-kira 20 orang *sahabiyyat* yang telah menjadi ahli hadith.

### Pemilihan Guru yang Berkualiti

Rasulullah amat menitikberatkan kualiti guru yang akan mengajar al-Quran, kerana ia mempengaruhi kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dalam sebuah hadith, Rasulullah s.a.w. menjelaskan individu yang berautoriti dalam pengajaran al-Quran, sebagaimana sabda baginda:

خُذُوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ وَسَالِمٍ وَمُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ وَأَبِي بَنْ كَعْبٍ

Mafhumnya:

Ambillah (pelajarilah) al-Quran daripada empat orang, iaitu Abdullah bin Mas'ud, Salim, Mu'az dan Ubai bin Ka'ab.

(al-Tirmidhi t.th, 2:230, no.2995)

### Penekanan kepada Kesahihan Teks

Menurut sejarawan, penulisan al-Quran bermula sebaik sahaja Rasulullah s.a.w. menerima wahyu. Baginda mengarahkan penulis-penulis wahyu mencatatkan ayat-ayat al-Quran

yang diterimanya. Rasulullah s.a.w. memilih penulis wahyu dari kalangan sahabatnya yang paling cemerlang, iaitu Ali bin Abi Talib, Muawiyah bin Abi Sufyan, Zayd bin Thabit dan Ubai bin Kaab. Terdapat juga sebahagian sahabat yang mencatat ayat-ayat al-Quran tanpa arahan Rasulullah. Ia bertujuan supaya teksnya tersimpan di atas lembaran-lembaran dan di dada-dada para sahabat. Oleh kerana pada masa itu tiada kertas, maka para penulis wahyu mencatatkan ayat-ayat al-Quran pada pelepah-pelepah tamar, kepingan batu, tulang, dan lain-lain bahan tulisan (al-Qattan 1997, 120). Selepas kewafatan Rasulullah, Saidina Abu Bakar mengarahkan Zayd bin Thabit supaya menyalin semula lembaran catatan ayat-ayat al-Quran selepas ramai qurra' dan huffaz gugur syahid dalam peperangan. Maka, terkumpul al-Quran pertama dalam bentuk lembaran *suhuf* (Jakim 2008, 16).

### **Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam P&P di MSAAS**

Pelaksanaan dan penerapan manhaj Rasulullah dalam P&P di MSAAS dalam bahagian ini akan dilihat dari aspek program-program yang disusun kepada jemaah dan masyarakat awam, secara khususnya dalam program al-Quran dewasa yang dinamakan sebagai talaqqi al-Quran dan program-program kerohanian yang lain secara umum. Daripada sembilan manhaj Rasulullah s.a.w. dalam P&P, didapati kesemuanya dilaksanakan dalam program pengajian di MSAAS.

Dari segi memberi tarbiah dan pengajaran yang jelas, MSAAS melaksanakan pengajaran yang jelas kepada para pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pendidikan dengan mengambilkira tahap keupayaan masing-masing. Sistem tarbiah yang mengambilkira tahap dan latar belakang pelajar membolehkan pelajar mengikuti sukatan kelas talaqqi al-Quran dengan selesa bersama rakan sekelas yang berada pada tahap yang sama. Sistem yang dilaksanakan memudahkan tenaga pengajar untuk menyesuaikan cara penyampaian dengan kemampuan pelajar. Ini menghasilkan pengajaran yang jelas dan dapat difahami oleh semua pelajar pada tahap berkenaan. Berdasarkan temubual, didapati cara pengajaran guru yang jelas dan 'segar' menyebabkan pelajar berasa seronok mengikuti pengajian malah berasa seperti 'belajar semula' yang menurut mereka, dapat menampung segala kekurangan atau apa yang tidak dapat dikutip pada masa-masa lalu. Ini terbukti apabila terdapat pelajar dewasa sanggup mengulang tiga kali berturut-turut yang memakan masa tiga tahun untuk mempelajari modul yang sama walaupun telah mencapai markah 70 peratus dalam peperiksaan dan layak untuk melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya.

Pengajaran Rasulullah s.a.w. dengan mengambilkira keupayaan akal juga dilaksanakan di MSAAS. Pengkategorian pelajar berdasarkan ujian lisan dan bertulis diadakan oleh pihak pengurusan MSAAS. Sistem tarbiah ini menemukan pelajar yang berusia antara 13 hingga 70 tahun dengan membahagikan mereka kepada tiga peringkat pengajian iaitu rendah, menengah dan lanjutan. Pelajar yang tiada kemahiran membaca al-Quran ditempatkan dalam kategori asas manakala pelajar yang mempunyai pengetahuan asas ilmu tajwid dan berkemampuan membaca al-Quran ditempatkan di kategori menengah. Pelajar yang melepasi 70 peratus markah kumulatif dibenarkan meneruskan pengajian ke peringkat selanjutnya, manakala pelajar yang melepasi 90 peratus markah pada peringkat lanjutan dicadangkan mengikuti kelas persediaan menjadi guru al-Quran. Kelas ini mengambil masa selama tiga semester atau sembilan bulan pelajar yang berjaya akan mendapat surat sokongan dari JAIS untuk mendapat jawatan tenaga pengajar di MSAAS.

Dari segi estim sendiri pelajar, pengajian di MSAAS didapati memberi pengiktirafan kepada para pelajar. Ini ternyata bersesuaian dengan teori pembelajaran orang dewasa atau andragogi. Dalam hal ini, inisiatif mereka datang dengan minat sendiri untuk mengikuti pengajian di MSAAS dihargai dengan pelbagai cara. Sebagai contoh, estim mereka dijaga apabila individu-individu yang lemah sentiasa diberi galakan untuk terus meningkat dalam pengajian al-Quran. Bagi memberi peluang kepada pelajar yang kurang kompeten, pihak

MSAAS mengambil inisiatif mengadakan kelas tambahan sebelum berakhirnya sesi pengajian semester pertama. Ia bertujuan untuk memastikan pelajar berkenaan menjadi lebih kompeten dan dapat bersaing dengan pelajar-pelajar lain pada semester yang berikutnya. Dengan cara ini, mereka yang lemah dan tidak memiliki kemahiran asas tidak berasa rendah diri dan berkeyakinan untuk menguasai kemahiran membaca al-Quran. Dari segi pengiktirafan, mereka yang berjaya diberikan sijil yang dikeluarkan oleh MSAAS dan diiktiraf oleh JAIS. Bagi pelajar terbaik pula, pemilihan dibuat berdasarkan kepada markah kumulatif dalam siri ujian dan peperiksaan, kehadiran dan sahsiah. Usaha dan iltizam mereka pada akhirnya diganjar dengan majlis graduasi yang setaraf dengan majlis konvokesyen di universiti.

Pengajaran cara Rasulullah s.a.w. yang mudah, memberi inspirasi kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di MSAAS menerusi beberapa program atau aktiviti sokongan. Sebagai contoh, pengajian kelas talaqqi turut menyelitkan tadabbur al-Quran dalam sesi pengajaran untuk memperkukuhkan lagi pengajian al-Quran yang dilalui. Selain itu, program-program sokongan lain seperti kuliah tasawur Islam diadakan dua kali seminggu manakala kuliah tasawuf antara maghrib dan isyak diadakan sebulan sekali sebagai pelengkap kepada pengajian al-Quran. Dalam kata lain, pengajaran dan pembelajaran al-Quran dilengkapi dengan pengajian lain untuk membentuk tasawur dalam diri setiap pelajar.

Sebagaimana kaedah P&P Rasulullah s.a.w. yang mempraktikkan teori, kelas P&P di MSAAS melaksanakan praktikal melalui talaqqi, musyafahah dan tadarus. Kelas bermula selepas solat Maghrib, 40 minit pertama belajar teori ilmu tajwid. Selepas Isyak hingga jam 10.00 malam sesi praktikal teori yang diajar melalui talaqqi dan musyafahah. Pada bulan Ramadhan pula diadakan kelas tadarus pada hari Jumaat dan Sabtu bermula 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Ia merupakan praktikal dalam cara yang lebih santai kepada teori tajwid yang dipelajari dalam kelas-kelas sebelumnya.

Pihak MSAAS juga menyediakan iklim dan ruang belajar yang kondusif dengan menyediakan 17 kelas untuk kelas pengajian di MSAAS dengan kapasiti 800 orang, sepuluh daripadanya dikhususkan untuk kelas talaqqi al-Quran. Manakala tujuh lagi dikhususkan untuk kelas Syariah dan Bahasa Arab. Kemudahan meja, kerusi dan papan putih serta bilik berhawa dingin juga disediakan untuk keselesaan pelajar dan pengajar.

Selain itu, MSAAS juga memilih ruang dan masa khusus untuk wanita yang mana kelas untuk mereka diadakan pada waktu malam, berasingan antara lelaki dan wanita. Komitmen pelajar wanita lebih tinggi berbanding pelajar lelaki dan mereka didapati lebih berjaya. Dari segi pemilihan guru yang berkualiti di MSAAS, guru-guru diberi latihan khas. Guru-guru talaqqi di peringkat rendah dipilih dari kalangan bilal yang berkeupayaan, manakala guru di peringkat menengah dan lanjutan pula dipilih dari kalangan graduan Maahad al-Qiraat Syubra Mesir dan guru-guru Pusat Tahfiz dan SMKA di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia yang berpengalaman mengajar selama tiga tahun dan berpengalaman mengendalikan kuliah agama di surau atau masjid. Saringan pula dibuat melalui proses temuduga oleh Imam Besar MSAAS. Ia bertujuan menjaga kualiti dan memastikan hanya guru-guru yang berkelayakan diterima untuk mengendalikan program ini. Guru-guru juga akan mengadakan mesyuarat dwi bulanan bagi membincangkan permasalahan yang dihadapi dalam P&P, dengan mengambil kira pandangan daripada pelajar mengenai matlamat mereka mengikuti program-program di MSAAS. Di samping itu, guru-guru ini juga saling bertukar pandangan bagi mendapatkan pendekatan terbaik dalam mengajar.

Selari dengan cara Rasulullah s.a.w., pengajian di MSAAS juga memberi penekanan kepada kesahihan teks. Dalam hal ini, MSAAS telah mengadakan Seminar Rasam Uthmani sebanyak dua kali setahun. Seminar ini bertujuan memberi pendedahan mengenai cara teks rasam uthmani ditulis, disaring dan lain-lain. Ia dikendalikan oleh penceramah jemputan dari Kementerian Dalam Negeri, yang terlibat dalam lajnah pentashihan al-Quran.

## Model Asas P&P Kelas al-Quran Dewasa Cara Rasulullah

Dalam membincangkan model asas P&P kelas al-Quran dewasa, penelitian terhadap teori pembelajaran dewasa atau andragogi perlu diberi perhatian. Ini kerana ia melibatkan sesi P&P bersama orang dewasa yang berbeza dengan P&P bersama kanak-kanak atau remaja. Berkaitan teori Pembelajaran Orang Dewasa (andragogi), Reischmann (2000) menjelaskan istilah pembelajaran orang dewasa ditukarkan kepada istilah andragogi dengan mengambilkira istilah yang dikemukakan kali pertama oleh tokoh pendidikan Jerman Alexander Kapp pada tahun 1833. Ia merupakan konsep yang digunapakai pembelajaran orang dewasa yang lebih melibatkan partisipasi pelajar.

Perbezaan yang nyata pada ciri-ciri pelajar dewasa terutama dari segi pengalaman menyebabkan pakar-pakar pendidikan mencadangkan agar seni dan sains pembelajaran orang dewasa dibezakan dari pedagogi iaitu seni dan sains pembelajaran kanak-kanak (Zuber-Skerritt 1992). Ini selari dengan andaian Malcolm Knowles bahawa pelajar dewasa mempunyai ciri-ciri seperti berkeperluan mengetahui (the need to know), memiliki konsep sendiri pelajar (learner self-concept), peranan pengalaman pelajar (role of learner's experience), berkesediaan untuk belajar (readiness to learn), dan berorientasi kepada pembelajaran (orientation to learning) (Atherton 2003). Ternyata prinsip andragogi ini telah digunapakai dalam pelbagai disiplin, antaranya teknologi maklumat (Kayla 2010) serta pelancongan dan hospitaliti (Drew Martin 2009). Oleh itu, penggunaannya dalam KQD bukanlah suatu yang janggal kerana jika diteliti, golongan dewasa memilih untuk belajar al-Quran menepati ciri-ciri yang terdapat dalam teori-teori tersebut.

Teori-teori tersebut memberi makna rekabentuk pembelajaran jenis ini perlu mengambilkira bahawa orang dewasa perlu mengetahui mengapa mereka perlu mempelajari al-Quran, orang dewasa belajar al-Quran berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka sebelum ini, orang dewasa melihat pembelajaran al-Quran sebagai penyelesaian masalah, orang dewasa akan belajar dengan baik apabila topik itu berguna kepada mereka (immediate value). Teori-teori andragogi yang bersifat konvensional diislamisasikan dalam model yang dicadangkan ini agar melengkapi proses tarbiah dalam erti kata yang sebenar.

Dalam konteks P&P secara khusus, model asas KQD cara Rasulullah jauh melangkaui elemen-elemen andragogi yang bertumpu kepada cara orang dewasa belajar tetapi, model ini lebih bersifat kecukupcukupan (*jami' mani'*) yang merangkumi elemen pembelajaran dewasa yang bersumberkan suluhan rabbani dan dapat memenuhi fitrah insan. Elemen-elemen yang mencakupi dan mencukupi keperluan-keperluan insan itu adalah tilawah, tazkiyah, taalim al-Quran dan taalim al-Sunnah. Elemen-elemen inilah yang menjadikan P&P KQD berbeza kerana mempunyai hala tuju kehidupan manusia, iaitu *al-falah*. Kesedaran tentang pra-syarat mendapatkan *al-falah* melalui pembersihan jiwa seperti yang dinyatakan dalam firman Allah menjadikan proses P&P suatu hal yang menyeronokkan.




Mafrumnya:

Sesungguhnya beruntunglah orang yang membersihkan diri (dengan beriman).

(al-A'ala: 14)

Oleh itu, model asas bagi P&P golongan dewasa mesti melibatkan empat perkara, iaitu tilawah, tazkiyah, taalim al-hikmah dan taalim al-kitab (al-sunnah), sebagaimana kerangka teori kajian ini yang berasaskan ayat 164, surah Ali 'Imran. Kewujudan keempat-empat elemen ini dalam manhaj P&P akan dapat memenuhi keperluan jiwa dan akal golongan dewasa yang mengikuti KQD.



Rajah 2. Model Asas P&P KQD Cara Rasulullah

Rajah 2 menunjukkan model P&P KQD cara Rasulullah. Ia bermula dengan konsep tarbiah dalam KQD yang mengandungi empat elemen, iaitu tilawah, tazkiyah, taalim al-hikmah dan taalim al-kitab (al-sunnah). Dari segi pelaksanaannya ia melibatkan sembilan manhaj P&P cara Rasulullah, yang diringkaskan dalam kata kunci tarbiah, upaya, kualiti, hormat, masa, mudah, amal, sahih dan kondusif. Setiap kata kunci ini mempunyai hubungan timbal-balas antara satu sama lain. Tarbiah dilihat berfungsi seolah-olah serampang dua mata. Secara teorinya, tarbiah merupakan teras kepada empat elemen induk dalam KQD, manakala secara amalinya ia merupakan dasar kepada enam manhaj pelengkap (upaya, kualiti, hormat, masa, mudah, amal) dan dua *manhaj* sokongan (sahih dan kondusif) P&P KQD cara Rasulullah.

## Kesimpulan

Dapatan kajian jelas menunjukkan tentang prevalens penggunaan ciri-ciri utama manhaj Rasulullah seperti yang terdapat dalam inipati ayat 164 Surah Ali Imran. Kesimpulannya, kajian ini cuba mensintesis warisan sembilan manhaj Rasulullah dalam P&P dengan menjadikan program talaqqi al-Quran di MSAAS sebagai contoh. Ia bertujuan merangka satu model asas pengajaran dan pembelajaran al-Quran bagi golongan dewasa, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. Faktor-faktor fitrah insani juga sangat penting diambil kira dalam menjayakan proses P&P al-Quran dewasa kerana melibatkan pelajar-pelajar yang berusia dan berpengalaman, meskipun dalam bidang yang berbeza. Kejayaan model yang dicadangkan bergantung kepada pelaksanaan sembilan manhaj P&P oleh tenaga pengajar, yang mesti berpaksikan kepada elemen tilawah, tazkiyah dan taalim. Perkara utama yang patut diberi perhatian dalam usaha mencapai objektif P&P ialah struktur P&P yang digunakan serta kualiti pengurusan dan pentadbiran sesebuah kelas agar selari dengan kehendak dan matlamat pelajar golongan dewasa. Model asas ini dapat diaplikasikan dalam proses P&P al-Quran dewasa di masjid-masjid lain bagi menghidupkan roh tarbiah dalam proses P&P, lebih-lebih dalam P&P al-Quran. Ia akan menjadikan P&P lebih 'hidup', 'segar' dan tidak hanya nukilan ilmu semata-mata dari pengajar kepada pelajar.

## Rujukan

- Abd al-Muta'al Muhammad al-Jabari, 1987, *Hujjiyat al-Sunnah wa Mustalahat al-Muhaddithin wa A'lamuh*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Abu Mardhiyah, 2007, *Tajwid al-Quran*, Kuala Lumpur: al-Jenderaki Enterprise.
- 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud, 1996, *al-Tarbiyah al-Islamiyyah fi Surah al-Ahzab*, t.tp.: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- al-A'zami, Muhammad Mustafa., 1992, *Dirasat fi al-Hadith al-Nabawi*, Jil.1 & 2, Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il., 1987, *Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Drew Martin, Arch G.Woodside, 2009, Moving beyond pedagogy to andragogy: Experimental learning exercise for tourism/hospitality executive training, *International Journal of Culture, Tourism and Hospitality Research*, 3 (4): 283.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008, Panduan Rasm Uthmani, Kuala Lumpur: JAKIM.
- Joyce, B., & Weil, M with Calhoun, E., 2000, *Models of Teaching*, 6<sup>th</sup> ed., Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Kayla L.Quinney, Sara D. Smith, Qiunn Galbraith, 2010, Bridging the gap: Self directed staff technology training, *Information Technology and Libraries*, 29(4): 205.
- Ibn. Hanbal, Ahmad., 1999, *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*, t.tp.: Muassasah al-Risalah.
- al-Khatib, Muhammad 'Ijaj., 1993, *al-Sunnah Qabl al-Tadwin*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Mohd Farid Mohamad, Zawawi Ismail & Rahimi Md Saad, t.th., Celik al-quran: Cabaran dan realiti dalam pendidikan islam di sekolah, *Jurnal Masalah Pendidikan*, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Muhammad Fauzan Abdul Wahid, 2006, Meningkatkan kemahiran membaca al-quran menerusi latihan amali & tasmik al-quran, Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan Pensyarah IPBA, 9 Oktober 2006, Kuala Lumpur: 19-29.
- Muhammad Muhammad Abu Zahw, t.th., *al-Hadith wa al-Muhaddithun*, Kaherah: Dar al-Fikr.
- Muslim bin al-Hajjaj, t.th., *al-Jami' al-Sahih*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- al-Qattan, Manna', 1997, *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Sibagh, Muhammad Lutfi., 1986, *al-Hadith al-Nabawi, Mustalahuh, Balaghatuh, Kutubuh*, t.tp.: al-Maktab al-Islami.
- Salim T. S. Al-Hassani, 2007, *Muslim Heritage in Our World*, Manchester: Foundation for Science Technology and Civilisation.
- al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa., t.th., *Sunan al-Tirmidhi*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath.

## Temubual

- Encik Mohd Hatta Shafie, Pegawai Hal Ehwal Islam, pada 20 Disember 2010, di pejabat beliau di MSAAS.

SHARIFAH NORSHAH BANI SYED BIDIN, PhD  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: sharifahns@unisza.edu.my

NOR SALIMAH ABU MANSOR  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: norsalimah@unisza.edu.my

ZULKIFLI A.MANAF, PhD  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: zulkiflimanaf@unisza.edu.my